

Toa Payoh Heritage Trail

Jejak Warisan Toa Payoh

Jejak Warisan Toa Payoh adalah usaha berterusan Lembaga Warisan Negara (NHB) untuk mendokumentasikan dan memaparkan sejarah dan kenangan sosial tentang tempat-tempat di Singapura. Kami berharap susur ini dapat mengembalikan kenangan indah bagi mereka yang pernah bekerja, tinggal atau bermain di kawasan itu, dan sebagai wadah sumber maklumat yang berguna bagi pelawat dan penduduk baru.

Block 53, The “VIP Block”

Blok 53, “Blok VIP”

Disiapkan pada tahun 1967, Blok 53 telah lama dianggap sebagai kebanggaan perumahan awam Singapura. Blok ini menampilkan reka bentuk unik berbentuk Y dan juga dikenali sebagai “blok VIP”, selepas beberapa lawatan daripada orang kenamaan asing dan tempatan.

Pada awal 1960-an, Singapura menghadapi tekanan jumlah penduduk yang semakin meningkat dan krisis perumahan. Semasa tempoh ini, Lembaga Perumahan & Pembangunan (HDB) telah memberi tumpuan pada membina dan membekalkan rumah pangsa, terutamanya reka bentuk blok berkeping yang linear, dengan cepat untuk memenuhi permintaan perumahan.

Pembinaan bandar Toa Payoh bermula semasa Program Pembinaan lima tahun kedua HDB dan pada masa ini, sebahagian besar rakyat Singapura telah dibekalkan dengan rumah pangsa. Oleh itu, arkitek HDB dapat mencuba pelbagai gaya blok di Toa Payoh, seperti Blok 53 berbentuk Y, Blok 116 berbentuk keluaran dan Blok 157 yang melengkung. Blok 53 juga mempunyai tangki air yang menonjol yang terletak di atas 19 tingkatnya, yang sebelum ini memaparkan iklan.

Blok 53 juga menempatkan galeri menonton di atas bumbung (kini ditutup kepada orang ramai) yang menawarkan pemandangan panoramik Bandar Baru Toa Payoh kepada pengunjung. Perdana Menteri Australia ketika itu John Gorton ialah pembesar asing pertama yang melawat ke Blok 53 pada April 1968, dan pelawat seterusnya termasuk Ratu Elizabeth II, Puteri Anne dan Putera Phillip dari United Kingdom, mantan Perdana Menteri Sri Lanka Bandaranaike Sirimavo dan Presiden kedua Singapura Benjamin Sheares.

Hari ini, sementara blok yang lebih baru telah dibina di sekelilingnya, Blok 53 berdiri megah sebagai model seni bina yang inovatif dan ikon sejarah perumahan awam Singapura.



Blok 53 berbentuk huruf Y, 1967

Koleksi Kementerian Penerangan dan Kesenian, ihsan Arkib Negara Singapura



Penduduk dan bakal pemilik flat di Blok 53, 1967

Koleksi Kementerian Penerangan dan Kesenian, ihsan Arkib Negara Singapura



Ratu Elizabeth II bersama mantan Pengurus HDB, Lee Hee Seng, di galeri menonton atas bumbung Blok 53, 1972

Koleksi Kementerian Penerangan dan Kesenian, ihsan Arkib Negara Singapura



Blok 116 berbentuk kelawar, 1969
Ihsan Lembaga Perumahan & Pembangunan

Chung Hwa Medical Institution Institusi Perubatan Chung Hwa

Ditubuhkan oleh Persatuan Pakar Perubatan Cina Singapura (SCPA), Institusi Perubatan Chung Hwa dibuka sebagai cawangan Klinik Percuma Chung Hwa yang berasal di Telok Ayer Street.

SCPA telah diasaskan oleh sekumpulan pakar perubatan dalam Perubatan Tradisional Cina (TCM) pada tahun 1946 untuk memajukan TCM di Singapura. Pada tahun 1952, persatuan itu membuka klinik pertamanya untuk golongan miskin di Persatuan Chung Shan. Klinik itu kemudiannya dipindahkan ke 202 Telok Ayer Street pada tahun 1956. Pada tahun 1970-an, cawangan kedua SCPA di Geylang telah diambil alih oleh pemerintah, dan tapak di Toa Payoh ditawarkan sebagai ganti.

Dana untuk pembinaan Institusi Perubatan Chung Hwa di Toa Payoh dikumpul oleh penyumbang dalam masyarakat daripada pemimpin perniagaan hingga pemandu teksi, dan melalui wadah termasuk jualan amal dan persembahan. Melalui usaha pengumpulan dana ini, lebih daripada S\$5 juta telah dikumpulkan untuk institusi itu.

Penubuhan institusi itu di Toa Payoh membolehkannya menebarkan sayapnya dalam bidang penyelidikan dan pembangunan untuk kepakaran TCM termasuk akupunktur, serta meluaskan operasi perubatannya. Apabila dibuka pada 27 Oktober 1978, klinik ini telah menarik lebih daripada 400 pesakit pelbagai kaum, yang menerima rawatan dan ubat percuma dengan bayaran kecil sebagai yuran bertemu doktor.

Hari ini, Institusi Perubatan Chung Hwa terus menyediakan rawatan perubatan kos rendah, bersubsidi atau percuma sambil membangunkan kepakaran TCM untuk pelbagai penyakit dan keadaan perubatan termasuk kanser, penyakit kardiovaskular dan diabetes. Bangunan ini juga menempatkan ibu pejabat SCPA, sebuah kolej TCM dan dua institut penyelidikan.



Klinik Percuma Chung Hwa di Telok Ayer Street, sekitar 1950-an
Ihsan Institusi Perubatan Chung Hwa



Bertemu doktor di Klinik Percuma Chung Hwa di Telok Ayer, sekitar 1950-an
Ihsan Institusi Perubatan Chung Hwa



Pesakit menunggu untuk bertemu doktor, 1963
Ihsan Institusi Perubatan Chung Hwa



Bilik menunggu di Institusi Perubatan Chung Hwa, 1995
Ihsan Institusi Perubatan Chung Hwa

Church of the Risen Christ **Gereja Church of the Risen Christ**

Dirasmikan pada tahun 1971 oleh Ketua Biskop Singapura yang pertama Michel Olcomedy, gereja Church of the Risen Christ adalah gereja Katolik pertama di Toa Payoh. Nama gereja itu berasal daripada kepercayaan Kristian tentang penyaliban Jesus Christ dan kebangkitan berikutnya daripada kemangkatan.

Pada akhir tahun 1960-an, masyarakat Katolik Toa Payoh mengadakan kegiatan keagamaan dan sosial di Pusat Ho Ping di Blok 82 Lorong 4 dan di dewan majlis Lembaga Perumahan & Pembangunan. Di bawah pimpinan paderi pertama gereja Fr. Pierre Abrial, masyarakat tersebut berjaya mengumpul kira-kira \$450,000 untuk pembinaan bangunan gereja yang ada kini.

Gereja itu telah mengadakan Misa dalam bahasa Inggeris, Mandarin dan Tamil sejak tahun 1970-an. Di sebalik perayaan terkenal seperti Krismas dan Easter, gereja itu juga meraikan Pesta Bonda Velankanni. Dalam beberapa dekad kebelakangan ini, gereja tersebut telah memerhatikan Simbang Gabi, sambutan kebaktian Krismas tradisional selama sembilan hari yang diamalkan oleh umat Filipinanya.

Seperti institusi keagamaan lain di Toa Payoh, gereja Church of the Risen Christ telah menjadi tonggak sokongan dalam pembangunan sosial Toa Payoh, setelah menganjurkan kumpulan penjagaan kanak-kanak, kelas tuisyen dan program penjagaan masyarakat yang lain pada tahun-tahun awal bandar itu.



Misa yang dipimpin oleh Fr. Pierre Abrial di dewan majlis Pejabat Kawasan Timur Lembaga Perumahan dan Pembangunan sebelum pembinaan gereja, 1960-an-1970-an
Ihsan Church of the Risen Christ



Pemandangan tempat perlindungan dan mezbah asal gereja, 1970-an
Ihsan Church of the Risen Christ



Jemaah semasa perayaan Pesta Bonda Velankanni, 2022
Ihsan Church of the Risen Christ

Former 1973 SEAP Games Village Bekas Perkampungan Sukan SEAP 1973

Dianjurkan pada tahun 1973, Sukan Semenanjung Asia Tenggara (SEAP) ke-7 (kini dikenali sebagai Sukan Asia Tenggara) merupakan acara sukan antarabangsa utama yang pertama diadakan di Singapura. Kebanyakan perkampungan sukan antarabangsa dibina khas dan terletak jauh dari pusat penduduk tempatan, tetapi

Sukan SEAP 1973 memberi atlet dan pegawai yang berkunjung peluang untuk mengalami sendiri kehidupan Singapura.

Toa Payoh dipilih untuk menjadi tuan rumah Perkampungan Sukan, memandangkan kedudukannya berdekatan dengan Stadium Negara dan kemudahan Kompleks Sukan Toa Payoh yang baru dibina sebagai tempat pertandingan dan latihan. Lebih daripada 1,500 atlet dari tujuh negara ditempatkan di blok tinggi yang dibina oleh Lembaga Perumahan & Pembangunan. Setiap blok tinggi di tengah-tengah Toa Payoh itu mempunyai 96 unit pangsapuri yang serba lengkap dan lantai untuk riadah.

Sebagai sebuah bandar yang baru dibangunkan, pelbagai kemudahan Toa Payoh seperti kedai, pawagam, pusat penjaja, pasar raya, pejabat pos dan pertukaran bas menjadikannya lokasi yang ideal untuk Perkampungan Sukan. Terdapat juga dewan makan untuk seramai 1,800 orang dan hidangan makanan dikatakan begitu menyelerakan sehinggaikan pegawai bimbang atlet mereka bertambah berat badan.

Hari ini, bekas bangunan Sekretariat Sukan SEAP menempatkan Perpustakaan Awam Toa Payoh, dan blok tinggi yang istimewa itu telah dijual kepada orang ramai selepas sukan tersebut. Tempat pertandingan terus dimanfaatkan oleh orang ramai untuk pelbagai kegiatan sukan dan kemasyarakatan.



Perkampungan Sukan SEAP 1973 di Toa Payoh Central termasuk tiga blok tinggi, Blok 193 (kiri), 191 (tengah) dan 179 (kanan, sebahagiannya kelihatan), serta bangunan Sekretariat Sukan SEAP di antara blok-blok itu, sekitar 1970-an

Ihsan Lembaga Warisan Negara



Timbalan Perdana Menteri ketika itu Goh Keng Swee (berbaju putih) di majlis

menandakan pembukaan Sukan SEAP di Perkampungan Sukan, 1973
Koleksi Kementerian Penerangan dan Kesenian, ihsan Arkib Negara Singapura



Menteri Hal Ehwal Masyarakat ketika itu Othman Wok (kanan) bersama atlet di Perkampungan Sukan, 1973
Koleksi Kementerian Penerangan dan Kesenian, ihsan Arkib Negara Singapura



Atlet bertanding dalam permainan polo air di Kompleks Renang Toa Payoh, 1973
Koleksi Kementerian Penerangan dan Kesenian, ihsan Arkib Negara Singapura

Lian Shan Shuang Lin Monastery

Biara Lian Shan Shuang Lin

Disiapkan pada tahun 1909, Biara Lian Shan Shuang Lin (juga dikenali sebagai Kuil Siong Lim) ialah biara Buddha tertua di Singapura. Namanya diterjemahkan kepada "Dusun Berkembar Gunung Teratai" dalam bahasa Mandarin dan merujuk kepada kepercayaan bahawa Buddha mencapai nirwana semasa duduk di dalam dusun pokok sala. Pada tahun 1980, Dewan Raja-Raja Langit (Tian Wang Dian) dan Dewan Mahavira (Da Xiong Bao Dian) di biara itu telah diwartakan secara kolektif sebagai Monumen Negara.

Biara ini diasaskan pada tahun 1898 oleh pemimpin masyarakat Low Kim Pong dan dua belas sami dan biarawati Buddha dari Hui'an, China. Low dan anak lelakinya telah menunggu di tepi pantai Singapura selepas mimpi mistik mereka tentang cahaya keemasan yang bersinar dari barat. Di sana, mereka bertemu para sami dan

biarawati, yang diketuai oleh Yang Mulia Xian Hui, yang bakal kembali ke China dari ziarah. Low menjemput mereka supaya menetap di Singapura untuk menyebarkan kepercayaan Buddha dengan Yang Mulia Xian Hui sebagai abbot pertama biara itu. Low mendermakan tanah seluas 12 ekar dan dana untuk biara, manakala orang ramai di seluruh rantau turut menyumbang daripada segi kewangan.

Biara ini mempunyai susun atur yang lazim dalam Buddhisme Zen dan dimodelkan mengikut Biara Xi Chan di Fuzhou, China. Reka bentuknya menggunakan pendekatan *cang lin* (“hutan berlapis” dalam bahasa Mandarin), di mana susun atur biara memudahkan rutin monastik dan ritual keagamaan.

Hari ini, Biara Lian Shan Shuang Lin terus menjadi pusat tumpuan penganut dari Toa Payoh dan lain-lain, sambil memenuhi peranannya dalam pelatihan dan pendidikan monastik.



Low Kim Pong, sekitar 1907
Koleksi Boden-Kloss, ihsan Arkib Negara Singapura



Dewan Raja-Raja Langit (Tian Wang Dian) dan halamannya, 1900-an
Koleksi Lee Kip Lin, ihsan Arkib Negara Singapura



Dewan Mahavira (Da Xiong Bao Dian), 1950-an
Koleksi Lee Kip Lin, ihsan Arkib Negara Singapura



Dewan Mahavira menempatkan Buddha Amitabha, Buddha Sakyamuni dan Buddha Bhaisajyaguru, 1920-an
Koleksi Lim Kheng Chye, ihsan Arkib Negara Singapura

Masjid Muhajirin

Dibuka pada 8 April 1977, Masjid Muhajirin merupakan masjid pertama yang dibina di bandar Toa Payoh. Ia juga merupakan institusi pertama yang dibina menggunakan Dana Pembinaan Masjid (MBF) (kini Dana Pembinaan Masjid dan Mendaki), di samping sumbangan masyarakat.

Masjid ini memperolehi namanya daripada perkataan ‘Muhajirun’ (“penghijrah” dalam bahasa Arab), sekumpulan orang Islam yang mengikuti Nabi Muhammad dalam hijrah, iaitu perjalanan baginda dari Makkah ke Madinah pada abad ketujuh.


Asal-usul Masjid Muhajirin terletak pada Persatuan Kebajikan Muslim Toa Payoh yang ditubuhkan pada akhir tahun 1960-an untuk memberi bantuan kepada keluarga yang kurang bernasib baik. Mulai tahun 1971, masyarakat dan sukarelawan dalam masyarakat membantu mengumpul dana untuk masjid tersebut melalui kutipan dari rumah ke rumah, sumbangan daripada penjaja dan perniagaan, dan jualan amal. Usaha ini mengumpul kira-kira separuh daripada kos pembinaan masjid yang berjumlah hampir \$900,000.

Pada asalnya, masjid ini menampilkan kubah berbentuk bawang dalam gaya seni bina Parsi-India di atas menaranya. Ia kemudiannya telah dibina semula sebagai sebahagian daripada Hab Islam Singapura dan dibuka semula pada tahun 2009. Masjid Muhajirin sekarang mempunyai pintu gerbang, reka bentuk bunga bergaya dan motif geometri yang bercirikan seni bina Islam, manakala bumbung bertingkatnya disalut dengan jubin oker, yang merupakan ciri khas reka bentuk Melayu.


Hari ini, Masjid Muhajirin berdiri sebagai lambang perpaduan dan sara diri masyarakat. Sebagai hab jemaah dan pendidikan Islam, ia terus berkhidmat kepada masyarakat Islam di Toa Payoh dan lain-lain.




Pemandangan masjid asal dari seberang Jalan Braddell, 1970-an
Koleksi Majlis Ugama Islam Singapura, ihsan Arkib Negara Singapura



Pengagihan bubur pada bulan Ramadan, sekitar 1980-an
Ihsan Masjid Muhajirin



Solat berjemaah semasa Aidilfitri (perayaan berakhirnya Ramadan), sekitar 1980-an
Ihsan Masjid Muhajirin



Inskripsi dari Surah At-Taubah, surah kesembilan dalam Al-Quran, membingkai mimbar di dalam masjid, 2022
Ihsan Lembaga Warisan Negara

Sri Vairavimada Kaliamman Temple

Kuil Sri Vairavimada Kaliamman


Ditubuhkan pada tahun 1860-an, Kuil Sri Vairavimada Kaliamman berasal dari sebuah *choultree* (tempat berehat) di kawasan Orchard, yang berkhidmat untuk penganut Hindu di kawasan itu sebelum berkembang menjadi kuil untuk menyembah dewi Kaliamman.

Kuil ini mula-mula dibina berhampiran persimpangan Killiney Road dan Orchard Road, sebelum berpindah ke Somerset Road pada tahun 1921 dan Toa Payoh pada tahun 1982. Upacara penyucian pertamanya telah diadakan pada Mac 1986. Di bawah inisiatif oleh Lembaga Wakaf Hindu, kuil itu juga merupakan institusi pertama di Singapura yang menawarkan kelas Tamil dan Inggeris melalui tadika Saraswathy pada tahun 1990.

Gopuram (menara pintu masuk) Kuil Sri Vairavimada Kaliamman menampilkan patung dewa utamanya Kaliamman. Tempat sucinya menempatkan Kaliamman,

Vinayagar, Murugan, Swamy Ayyappan, Guruvayurappan, Durgai Amman, Periachi Amman, Angala Parameswari dan Madurai Veeran, selain dewa-dewa lain.

Hari ini, perayaan utama yang disambut di kuil tersebut termasuk Navakshri Homam, khusus untuk sembilan bentuk Kaliyamman, dan Brahmotsavam, perayaan tahunan di mana Kaliyamman disanjungi dan melibatkan pembersihan atau pengubahsuaian simbolik kuil, *kodiyettiram* (upacara menaikkan bendera) dan perarakan kereta kuda yang berjalan melalui Toa Payoh dan kawasan lain.



Kuil Sri Vairavimada Kaliyamman di Somerset Road, tidak bertarikh
Ihsan Kuil Sri Vairavimada Kaliyamman



Sami melakukan ritual *homam* (korban api) semasa Navakshri Homam, tidak bertarikh
Ihsan Kuil Sri Vairavimada Kaliyamman



Sami-sami menyediakan kereta kuda perak untuk membawa patung dewa sebelum perarakan bermula semasa Brahmotsavam, tidak bertarikh
Ihsan Kuil Sri Vairavimada Kaliyamman

Toa Payoh Dragon Playground Taman Permainan Naga Toa Payoh

Pada tahun 1960-an, taman permainan di estet HDB sebahagian besarnya mempunyai reka bentuk yang berfungsi seperti gelongsor, buaian dan jungkat-jungkit. Dalam usaha menggalakkan permainan yang lebih menarik dan berimajinasi, satu siri baharu taman permainan yang direka dan dibina oleh HDB telah diperkenalkan pada tahun 1970-an. Taman permainan siri pertama ini bertemakan haiwan manakala siri kedua berdasarkan simbol tempatan yang lumrah bagi rakyat Singapura seperti naga, makhluk mitos yang lazim ditemui dalam legenda dan cerita rakyat Asia.


Dibina pada tahun 1979, Taman Permainan Naga Toa Payoh telah direka oleh arkitek HDB Encik Khor Ean Ghee dan merupakan sebahagian daripada siri kedua. Taman permainan ini berdasarkan reka bentuk naga terdahulu yang dipasang di Taman Bandar Toa Payoh. Menampilkan kepala logam, taman permainan naga Taman Bandar (sejak dibawa keluar) mempunyai tulang belakang yang lebih panjang dan palang monyet bulat, tetapi sukar untuk diperbuat.

Ini membawa kepada taman permainan naga yang direka bentuk semula di Lorong 6, yang menampilkan kepala yang lebih besar dihiasi dengan jubin terazo, gelongsor dan badan dengan bulatan berwarna-warni yang boleh dipanjang tembus oleh kanak-kanak. Populariti reka bentuk ini menghasilkan pengeluaran semula versi serupa di taman permainan HDB di seluruh Singapura dalam saiz dan konfigurasi yang berbeza. Ini termasuk variasi yang lebih kecil di Lorong 1 dan satu lagi di hadapan Blok 570 di Ang Mo Kio Avenue 3.

Sebagai salah satu taman permainan terakhir yang tinggal dengan reka bentuk naga di Singapura, Taman Permainan Naga Toa Payoh telah menjadi mercu tanda ikonik dan digemari warga Singapura, tua dan muda.



Kanak-kanak bermain di taman permainan di Toa Payoh, 1972
Ihsan Lembaga Perumahan & Pembangunan



Lukisan seni bina taman permainan naga di Town Park (kiri) dan Lorong 6 (kanan),
1970-1979

Koleksi Muzium Negara Singapura, ihsan Lembaga Warisan Negara. Hadiah Khor Ean Ghee. © Lembaga Perumahan & Pembangunan



Taman permainan naga Taman Bandar Toa Payoh, yang merupakan pendahulu kepada taman permainan naga di Lorong 6, pertengahan 1970-an
Ihsan Lembaga Perumahan & Pembangunan



Satu lagi variasi taman permainan naga di Lorong 1 Toa Payoh, 2022
Ihsan Lembaga Warisan Negara

Toa Payoh Town Park Taman Bandar Toa Payoh

Direka bentuk oleh Lembaga Perumahan & Pembangunan (HDB) dan siap pada tahun 1970-an, Taman Bandar Toa Payoh merupakan pelopor ruang hijau yang sejak itu menjadi unsur penting dalam bandar perumahan awam Singapura. Pada asalnya dikenali sebagai "Toa Payoh Town Garden" sebelum dinamakan semula sebagai "Toa Payoh Town Park" (Taman Bandar Toa Payoh) pada tahun 2002, taman ini merangkumi 4.8 hektar tumbuhan dan kehidupan pokok, kolam berlandskap, gazebo desa dan pelbagai kemudahan.

Taman Bandar Toa Payoh, dengan Menara Peninjau yang ikonik, merupakan destinasi popular untuk mengambil foto perkahwinan pada tahun 1970-an dan 1980-an, dan sehingga hari ini, merupakan satu kenangan istimewa dalam ingatan penduduk yang terus menggunakan kemudahan taman untuk pelbagai kegiatan riadah.

Sebahagian daripada taman itu telah ditetapkan sebagai kawasan pemuliharaan oleh Pengguna Pembangunan Semula Bandar (URA) dan Menara Peninjau telah diberikan status pemuliharaan pada tahun 2009. Ketika itu, Menara Peninjau tersebut menawarkan pemandangan panorama Singapura dari ketinggian 25 meter dan merupakan tarikan utama dalam taman itu.


Populariti taman itu dengan pelawat menyebabkan HDB memperuntukkan plot tanah yang besar dalam setiap taman perumahan awam baharu untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada penduduk dan masyarakat yang lebih luas. Pada tahun 1997, taman itu telah diubah suai dan laluan pejalan kaki jubin bersambung baharu serta teres tempat duduk telah ditambah.

Hari ini, Taman Bandar Toa Payoh mengekalkan pesonanya dan terus menjadi ruang rekreasi yang sangat digemari untuk individu dan keluarga berkumpul.



Pelawat di atas jambatan di Taman Bandar dengan Menara Peninjau di latar belakang,
sekitar 1970-an

Koleksi Muzium Negara Singapura, ihsan Lembaga Warisan Negara




Air Terjun di Taman Bandar, sekitar 1970-an

Koleksi Muzium Negara Singapura, ihsan Lembaga Warisan Negara



Pemandangan Taman Bandar yang dikelilingi oleh pokok willow, tidak bertarikh
Ihsan Kelab Masyarakat Toa Payoh Central



Pelawat menikmati persekitaran taman yang tenang di tepi kolam, sekitar 1970-an
Ihsan Lembaga Warisan Negara

United Five Temples of Toa Payoh **Lima Kuil Bersatu Toa Payoh**

Disiapkan pada tahun 1974, United Five Temples of Toa Payoh adalah yang pertama di Singapura yang menghimpunkan lima kuil daripada kumpulan dialek yang berbeza dan menempatkan dewa-dewa yang berbeza dalam satu kompleks. Kuil-kuil itu diasaskan semasa zaman silam kampung di Toa Payoh dan terpaksa dipindahkan semasa pembangunan bandar Toa Payoh pada tahun 1960-an.

Kuil Chee Tian Keng

Ditubuhkan pada awal tahun 1900-an oleh masyarakat Hokkien dan Teochew, kuil ini pada asalnya terletak di Kampong Puay Teng Keng, salah satu kampung terbesar di Toa Payoh, dan menempatkan dewa Tao, Tua Pek Kong. Kuil itu juga membantu menubuhkan pasukan bomba dan sebuah sekolah.

Kuil Chow Eng Chee Toa Payoh

Ditubuhkan pada tahun 1940 oleh masyarakat Hainan, kuil ini pada asalnya terletak di Jalan Rajah. Dewa-dewa utamanya ialah penjaga 108 Brothers, yang dikatakan sebagai pendatang Hainan awal yang dibunuh oleh lanun dan kemudiannya didewakan.

Kuil Persatuan Fuk Tuck Chee

Ditubuhkan pada awal tahun 1940-an oleh masyarakat Kantonis, kuil ini pada asalnya terletak di sepanjang Boon Teck Road. Ia didedikasikan kepada sepasang dewa Tao, Tu Di Gong (Dewa Bumi) dan isterinya Tu Di Po.

Kuil Tong Heng Kang Ah Hood Road Kampong Sin Huay

Ditubuhkan pada tahun 1864 oleh masyarakat Teochew, kuil ini pada asalnya terletak di sepanjang Ah Hood Road. Kuil ini memuja dua dewa, Gan Tian Da Di dan Tua Pek Kong.

Wu Ji Gong

Tarikh penubuhan dan siapa pengasas kuil ini tidak diketahui, dan sejak itu ia telah berpindah keluar dari kuil bersatu.



Perayaan di Kuil Chee Tian Keng, 1980-an
Ihsan Kuil Chee Tian Keng




Patung dewa Kuil Chee Tian Keng atas tandu semasa perarakan, tidak bertarikh
Ihsan Kuil Chee Tian Keng



Penganut Kuil Chee Tian Keng dan penduduk Kampong Puay Teng Keng membentuk pasukan bomba sukarela pada tahun 1950-an, tidak bertarikh

Ihsan Kuil Chee Tian Keng



Gambar sekolah akhir tahun Sekolah Chee Hwa yang diasaskan oleh Kuil Chee Tian
Keng, 1951
Ihsan Kuil Chee Tian Keng